

14 MAY 2004  
Mahkamah-Anwar  
RAYUAN KES LIWAT ANWAR BERSAMBUNG PADA RABU

PUTRAJAYA, 14 Mei (Bernama) -- Rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap pensabitan dan hukuman dalam kes liwat di Mahkamah Persekutuan akan disambung pada Rabu.

Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Abdul Hamid Mohamed yang bersidang bersama Hakim Mahkamah Rayuan Tengku Datuk Baharuddin Shah Tengku Mahmud dan Hakim Datin Paduka Rahmah Hussain menetapkan tarikh itu selepas peguam Gobind Singh Deo, yang mewakili Sukma Darmawan, menamatkan hujahannya.

Pada Rabu, Mahkamah Persekutuan akan mendengar hujah balas pasukan pendakwa yang diketuai oleh Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail.

Anwar dan Sukma Darmawan merayu terhadap pensabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi pada 8 Ogos, 2000 berhubung kes liwat.

Anwar dijatuhkan hukuman penjara sembilan tahun dan Sukma Darmawan enam tahun serta masing-masing rotan empat kali.

Mereka didapati bersalah meliwat Azizan Abu Bakar, bekas pemandu kepada isteri Anwar, di apartmen Sukma Darmawan di Tivoli Villa, Bangsar, di sini, pada 7.45 malam antara Januari dan Mac 1993.

Pada 21 Jan, Mahkamah Rayuan menolak permohonan Anwar dan Sukma Darmawan meminta mahkamah itu mengkaji semula keputusannya pada 18 April tahun lepas yang menolak rayuan mereka terhadap pensabitan dan hukuman dalam kes liwat itu.

Pada hari yang sama, Mahkamah Rayuan menolak permohonan mereka untuk diikat jamin dan diberi penangguhan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan Mahkamah Persekutuan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara atas kesalahan liwat selepas menamatkan hukuman penjara enam tahun atas empat kesalahan rasuah.

Anwar dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 2 Sept, 1997 oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkannya

sebagai tidak layak untuk memegang jawatan itu atas alasan moral.

-- BERNAMA

SBB MRR MFJ PR